Panduan Mengisi Borang Dalam Sistem Permohonan Kemasukan Ke MRSM Tingkatan 4 2021



You're entering
MRSM Education Ecosystem



Tingkatan

4

1. Sila rujuk bahagian (**PERMOHONAN KEMASUKAN MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) TINGKATAN 4 2021**).




2. 3 menu utama yang berkaitan dengan sistem permohonan :
    a. **Panduan** : Untuk mendapatkan panduan mengisi borang permohonan.
    b. **Syarat** : Untuk mendapatkan syarat kemasukan ke MRSM Tingkatan 1 2021.
    c. **Permohonan** : Untuk mengisi borang permohonan atas talian.

3. Bagi memulakan proses permohonan, sila klik pada pautan (**Permohonan**).



5. Bagi pengguna yang **belum pernah** mendaftar, sila klik pada (**<u>Daftar Pengguna</u>**).




6. Sila masukkan **Nombor Kad Pengenalan** tanpa simbol (-) dan klik (**<u>Hantar</u>**).




7. Sila lengkapkan maklumat Nama, Emel dan Sekolah ke dalam ruangan yang disediakan dan klik (**<u>Hantar</u>**).



8. Satu mesej akan dipaparkan menandakan pendaftaran telah berjaya. Sila simpan kata laluan yang diberikan untuk tujuan log masuk. Kata laluan ini juga akan diemelkan ke emel yang dimasukkan diatas.



**Maklumat katalaluan juga dipaparkan dibahagian bawah paparan*



**Contoh paparan emel yang diterima berkaitan katalaluan*

9. Klik pada butang (**OK**) untuk teruskan ke laman log masuk

10. Sila masukkan nombor kad pengenalan pemohon dan kata laluan dan klik butang (**Log Masuk**).




11. Sila lengkapkan semua **Maklumat Pemohon** diruangan yang disediakan.
    Peringatan.
    a. Sila pastikan anda mengisi **SEMUA** maklumat yang terdapat di bahagian ini.
    b. Nombor telefon bimbit yang dimasukkan mestilah nombor yang masih aktif untuk urusan makluman melalui sms.
    c. Bagi calon OKU, sila masukkan nombor kad OKU dan kategori OKU.
    d. Bagi calon yang mempunyai penyakit kronik, sila nyatakan penyakit berkenaan diruangan yang disediakan.




12. Sila lengkapkan semua **Maklumat Ibu, Bapa dan Penjaga** diruangan yang disediakan.
Perhatian.
    a. Sila pastikan anda mengisi **SEMUA** maklumat yang terdapat di bahagian ini.
    b. Sekiranya maklumat Ibu atau Bapa adalah sama seperti penjaga, sila tandakan (✓) pada (**Maklumat sama dengan penjaga**).
    c. Sekiranya pekerjaan ibu, bapa atau penjaga adalah **Polis** atau **Tentera**, sila nyatakan nombor anggota diruangan yang disediakan.
        i. Bagi pemohon yang memilih pekerjaan sebagai **Polis** sama ada ibu atau/dan bapa, sila masuk nombor anggota diruangan yang disediakan.
        ii. Bagi pemohon yang memilih pekerjaan sebagai **Tentera** sama ada ibu atau/dan bapa, sila masuk nombor anggota diruangan yang disediakan.
        iii. Bagi pemohon yang memilih pekerjaan sebagai **FELDA** sama ada ibu atau/dan bapa, sila muat turun borang pengesahan melalui pautan https://www.felda.gov.my/images/photo/media/pengumuman/2020/Ogos/mrsm2021/Borang_Pengesahan_Warga_FELDA.pdf dan dibawa bersama semasa UKKM.
    d. Bagi ibu, bapa atau penjaga yang bekerja dengan agensi **FELDA**, sila bawa borang pengesahan semasa menduduki Ujian Kecenderungan Kemasukan ke MRSM (UKKM).
    e. Sila nyatakan samaada ibu, bapa atau penjaga calon adalah OKU atau telah meninggal dunia diruangan yang disediakan.






13. Sila lengkapkan **Maklumat Pendapatan Keluarga** di ruangan yang disediakan dan klik butang (**SETERUSNYA**).
    Peringatan.
    a. Sila pastikan anda mengisi **SEMUA** maklumat yang terdapat di bahagian ini.
    b. Sila masukkan **ANGKA** sahaja diruang yang disediakan.
    c. Pendapatan kasar disini bermaksud pendapatan, elaun dan lain-lain pendapatan sebelum berlaku sebarang potongan seperti potongan pinjaman rumah, kenderaan, pinjaman peribadi dan lain-lain potongan.
    d. Bagi yang **bekerja sendiri** atau **tidak mempunyai penyata pendapatan/slip gaji,** sila isikan borang yang dilampirkan dan disahkan oleh penghulu mukim atau pegawai kerajaan dari kumpulan pengurusan dan professional.
    e. Slip gaji atau borang pengesahan yang lengkap diisi perlu dibawa bersama semasa menduduki UKKM.




14. Sila lengkapkan **Maklumat Pilihan Program dan MRSM**.
Peringatan.

a. Calon boleh memilih sehingga **5 pilihan program dan MRSM**.
b. Program yang dipilih boleh berbeza antara satu sama lain.
c. MRSM yang disenaraikan adalah MRSM yang menawarkan program yang dipilih.



15. Sila lengkapkan **Maklumat Pilihan Pusat Ujian** dan klik butang (**SETERUSNYA**).
Peringatan.


a. Sila pilih pusat ujian yang disediakan.
b. Pilihan MRSM dan pusat ujian adalah tidak berkaitan. Anda boleh mana-mana pusat ujian yang disedaikan.
c. Bilangan calon bagi setiap pusat ujian adalah **terhad**.



16. Di bahagian Perakuan, sila pastikan pemohon menandakan ✓ di bahagian pengakuan pemohon dan pegakuan Ibu bapa/penjaga bagi mengesahkan semua maklumat yang dimasukkan adalah benar dan klik **(Hantar)**.



17. Satu mesej akan dipaparkan menandakan permohonan telah berjaya dihantar.



18. Sila klik (**Cetak**) bagi mencetak borang yang telah lengkap diisi.

19. Sila klik tetikus kanan dan pilih '*Print'* untuk dicetak.

20. Sila klik pada pautan (**Log Keluar**) setelah selesai semua proses.

21. Bagi menyemak semula maklumat permohonan, sila masukkan nombor kad pengenalan dan kata laluan di laman log masuk. Daftar pengguna hanya perlu dibuat sekali sahaja.

MAKLUMAT TAMBAHAN

UJIAN KECENDERUNGAN KEMASUKAN KE MRSM (UKKM)

1. Tempoh UKKM adalah selama 2 jam merangkumi 4 subjek.
2. UKKM akan dijalankan pada hujung minggu di pusat ujian yang dinyatakan dalam sistem permohonan.
3. UKKM akan diadakan di antara bulan September hingga Disember 2020.
4. Sila bawa bersama salinan kad pengenalan dan salinan sijil kelahiran pemohon, borang pengesahan pendapatan (jika perlu), borang pengesahan FELDA (jika perlu) dan slip menduduki UKKM.
5. Pemohon akan dimaklumkan berkaitan UKKM melalui SMS dan pemohon diminta untuk menyemak maklumat tersebut melalui sistem semakan.

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh emel kepada pengambilanmrsm@mara.gov.my

BORANG PENGESAHAN PENDAPATAN

(BAPA/PENJAGA DAN PASANGAN YANG TIDAK MEMPUNYAI SLIP GAJI / PENYATA PENDAPATAN)

1. Saya _____

No MyKad : _____ mengaku bahawa sumber pendapatan bulanan

saya dan pasangan saya adalah seperti pecahan di bawah:

BAPA / PENJAGA		
Siri	**Sumber Pendapatan**	**Pendapatan (RM)**
a.	*Pekerjaan:	
b.	Pencen:	
c.	**Bantuan bulanan/JKM/Zakat	
d.	**Sewaan/Dividen/Hasil/Hartanah	
e.	Lain-Lain Pendapatan	
Jumlah Pendapatan		

PASANGAN		
Siri	**Sumber Pendapatan**	**Pendapatan (RM)**
a.	*Pekerjaan:	
b.	Pencen:	
c.	**Bantuan bulanan/JKM/Zakat	
d.	**Sewaan/Dividen/Hasil/Hartanah	
e.	Lain-Lain Pendapatan	
Jumlah Pendapatan		

Sila nyatakan **Jenis Pekerjaan dengan jelas seperti berniaga runcit, pemborong, Pengarah Syarikat dan sebagainya*

*** Potong yang tidak berkenaan*

2. Saya mengaku bahawa pendapatan isi rumah saya adalah sebanyak RM _____ (Jumlah pendapatan bapa/penjaga dan pasangan) seperti yang tersebut di atas adalah betul dan benar.

Tandatangan @ Cap Ibu Jari : .....

Nama & No KP : .....

Tarikh : .....

PENGESAHAN

Saya dengan ini mengesahkan bahawa pendapatan yang dinyatakan di atas adalah munasabah dan benar, berdasarkan pengetahuan saya.

Tandatangan dan cop rasmi : .....

Nama & No KP : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

Catatan: Pengesahan boleh dibuat sama ada oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional / Penghulu / Ketua Kampung.

***** Pemohon yang didapati memberikan maklumat tidak benar atau palsu, boleh disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih daripada 3 tahun dan juga boleh dikenakan denda atau kedua-duanya sekali.